

15/04/1998

Penyelarasan air boleh disegera

KUALA LUMPUR, Selasa - Penyelarasan bekalan air antara negeri di seluruh negara boleh dilakukan dalam masa terdekat ini berikutan kerajaan negeri mula menganggap masalah air sebagai perkara mendesak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menjelaskan Kerajaan Pusat sudah membincangkan perkara itu dengan kerajaan negeri, yang kini memahami perlunya memberi kerjasama, Perdana Menteri percaya cadangan itu boleh dilaksanakan walaupun kosnya agak tinggi kerana perlu merentasi bukit.

"Saya fikir koordinasi itu boleh diadakan dalam jangka pendek. Kita akan bekal air, umpamanya dari Kedah dan Perak kepada Pulau Pinang...dari Pahang ke Selangor.

"Kos mahal sikitlah kerana ia dah kena merentas bukit tetapi kita boleh buat. Malah sekarang kita dah ada rancangan untuk menggunakan sungai-sungai lain bagi menyalurkan bekalan ke Kuala Lumpur," katanya mengulas sama ada proses pembekalan air antara negeri akan mengambil masa satu atau dua tahun.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Pameran dan Seminar Realiti Maya anjuran Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) hari ini, Dr Mahathir berkata perkara itu turut dibincangkan oleh menteri-menteri besar ketika mesyuarat Majlis Tertinggi Umno Jumaat lalu.

Beliau bagaimanapun menegaskan, Kerajaan Pusat tidak berniat untuk mengambil alih kuasa kerajaan negeri berhubung bekalan air tetapi sekadar mengadakan penyelarasan.

Menurutnya, Kerajaan Pusat sudah lama bercadang menubuhkan Majlis Air Negara tetapi kerajaan negeri mahu mengawal hak mereka tetapi mereka kini sudah memandang serius masalah bekalan air.

Beberapa tahun lalu, Kerajaan Pusat yang menyedari Kuala Lumpur akan mengalami masalah bekalan air dan elektrik dengan kepesatan pertumbuhan ibu negara.

Kerana itu, kerajaan melabur dalam proses pembekalan elektrik ke seluruh negara walaupun bekalan air tetap di bawah kerajaan negeri.

"Mereka tidak mahu menyerahkannya kepada Kerajaan Pusat walaupun bekalannya adalah untuk Kuala Lumpur. Kerajaan negeri berpendapat mereka sudah membuat persediaan yang cukup. Tetapi mungkin mereka tidak menjangka kemarau panjang seperti ini.

"Kita tak ada niat untuk mengambil alih kuasa negeri. Hanya menyelaraskan saja supaya bekalan air di negeri yang ada banyak air boleh disalur kepada negeri yang tidak mencukupi," katanya.

Perdana Menteri yakin pelaburan ke negara ini tidak terjejas berikutan masalah itu kerana Malaysia tidak menghadapi kemarau setiap tahun walaupun tahun ini masalahnya agak luar biasa.

(END)